

**PENYERAHAN DOKUMEN BAGI SIJIL PENDAFTARAN  
SEMENTARA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41  
(KONTRAK) BILANGAN 6/2020**

Seramai **750** orang calon Pegawai Perubatan Siswazah UD41 (Kontrak) telah terpilih dalam **Program Transformasi Minda (PTM)** pada 26 Oktober 2020 dan nama calon yang disenarai pendek oleh Bahagian Sumber Manusia KKM boleh disemak melalui di [SINI](#)

**(PERMOHONAN YANG TELAH DIBUAT SECARA MANUAL)**

Tuan/puan yang terlibat dengan sesi PTM tersebut dikehendaki MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI BERIKUT SECARA EMEL KEPADA UNIT PENDAFTARAN SEMENTARA MPM KE ALAMAT EMEL: [provisional.mmc@gmail.com](mailto:provisional.mmc@gmail.com)

**ATAU**

**(PERMOHONAN YANG DIBUAT MELALUI SISTEM MERITS)**

**MEMUATNAIK KE DALAM SISTEM MeRITS (bagi yang telah memohon Surat Layak Daftar melalui MeRITS):**

- i. **Salinan Kad Pengenalan** yang disahkan benar bagi setiap halaman bercetak.
- ii. **Salinan Surat Tawaran dari KKM** yang disahkan benar bagi setiap halaman bercetak.
- iii. **Salinan ijazah perubatan atau transkrip akhir perubatan** (ditandatangani oleh Presiden, Senat, Rektor atau Pendaftar Universiti) **yang disahkan benar bagi setiap halaman bercetak.**
- iv. **Terjemahan daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) (ASAL)** (Jika dokumen iii adalah selain daripada Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)
- v. **Surat Akuan Sumpah (ASAL)** (Jika nama pada dokumen ii, iii & iv berbeza dengan nama pada Kad Pengenalan)

Nota: Sila rujuk garis panduan *MMC Guideline for Document Verification* (<https://mmc.gov.my/wp-content/uploads/2019/11/Guideline-doc-verify.pdf>) bagi dokumen yang **disahkan benar**.

Tuan/puan boleh menyemak nama dicapai [INI](#).

Tuan/Puan juga dikehendaki menyemak **Tindakan Pengamal** yang tertera dalam SENARAI NAMA SESI PENYERAHAN DOKUMEN PENDAFTARAN SEMENTARA BIL. 6/2020 untuk tindakan penyerahan dokumen seperti berikut:

**BAGI ARAHAN: SILA EMEL DOKUMEN PENYERAHAN DI EMEL SEMENTARA**

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mengemukakan dokumen penyerahan seperti yang tertera di atas melalui emel mulai **15 Oktober 2020** sehingga **21 Oktober 2020**.

Sila EMEL dokumen berkenaan ke alamat email [\*\*provisional.mmc@gmail.com\*\*](mailto:provisional.mmc@gmail.com)

**ATAU**

**BAGI ARAHAN: SILA DAFTAR SEMULA DAN MUATNAIK DOKUMEN PENYERAHAN MELALUI MeRITS**

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mendaftar semula, memohon *Provisional Registration Certificate* dan memuatnaik dokumen penyerahan seperti di atas melalui Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) mulai **15 Oktober 2020** sehingga **21 Oktober 2020**.

Sila ke pautan [\*\*http://meritsmmc.moh.gov.my/\*\*](http://meritsmmc.moh.gov.my/)

## **MAKLUMAN PENTING!**

**BAGI PENGAMAL YANG PERLU MENGEMUKAKAN  
DOKUMEN MELALUI EMEL**

Sila **EMEL** dokumen berkenaan ke alamat email  
**[provisional.mmc@gmail.com](mailto:provisional.mmc@gmail.com)**

**SILA JANGAN LOGIN ATAU DAFTAR AKAUN MERITS**  
sebelum pihak tuan/puan menerima pemakluman emel  
berkenaan penerimaan dokumen oleh MPM.

Selepas dimaklumkan oleh pihak MPM, pihak tuan/puan boleh  
mengakses Sistem *Medical Register Information and Technical  
System* (MeRITS) di laman <http://meritsmmc.moh.gov.my/> dan  
mendaftar dengan memasukkan nombor Kad Pengenalan  
untuk mengaktifkan akaun MeRITS seperti tarikh yang  
ditetapkan.

**Sijil Pendaftaran Sementara boleh dimuat turun dan  
dicetak sendiri melalui Sistem MeRITS setelah  
pemakluman melalui emel dibuat oleh pihak MPM.**

**Sijil Pendaftaran Sementara yang dimuatnaik dan dicetak  
sendiri adalah sah digunapakai di sisi undang-undang.**

## **PERINGATAN!**

**KEGAGALAN** MENYERAHKAN DOKUMEN-  
DOKUMEN SEPERTI YANG DISENARAIKAN DALAM  
JANGKA MASA YANG DITETAPKAN BOLEH  
MENGAKIBATKAN PENGELUARAN **SIJIL**  
**PENDAFTARAN** **SEMENTARA** TUAN/PUAN  
TERGENDALA SEBELUM SESI PTM.